

EXPERIENTIAL ACTIVITIES PLANNER (EAP)

Oleh;

Hjh. Haznah Hamzah (Kolej Islam Alam Shah, Klang)
Mohd. Rozi Ibrahim (SM Sains Tengku Jaafar, K. Pilah)
Abd. Rahim Salmah (SMK Pekan Nenas, Johor)

Apakah yang anda faham tentang **EAP** ?

EAP - Experiential Activities Planner

EAP ialah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan perkongsian idea, strategi dan pendekatan Multiple Intelligences (MI) .

5 Aspek Pembelajaran EAP

- Belajar dengan gembira
- Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif
- Pembelajaran Koperatif(CL)
- Penglibatan komuniti
- Proses pembelajaran individu dan kecerdasan pelbagai (MI)

Bagaimana EAP digunakan dalam P & P

Prosedur Perkembangan Eap Untuk Pengajaran

- Analisis kandungan tema. Contoh Peta minda
- Pilih topik atau tajuk
- Tentukan hasil pembelajaran
- Menyoal tentang tajuk dan topik
- Rancangan menggunakan EAP
- Persediaan media rangsangan dan bahan bantu mengajar
- Raptai
- Demonstrasi pengajaran di bilik darjah
- Penilaian

Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah

Aplikasi EAP Dalam Pengajaran & Pembelajaran

Arahan.

Langkah 1

- Guru masuk ke kelas dengan berselendangkan bendera Malaysia.
- Guru meminta respon murid dan mengaitkannya dengan pentingnya menghormati bendera Malaysia sebagai salah satu lambang negara.

Langkah 2

- Guru bertanya kepada murid, bagaimana mewujudkan perpaduan dan keharmonian sedangkan rakyat di Tanah Melayu ketika itu terdiri daripada berbilang bangsa dan agama.

Langkah 3

- Secara sumbang saran murid diminta memberi pelbagai pandangan tentang cara untuk mengukuhkan persefahaman dan perpaduan.

Langkah 4

- Murid dibahagikan kepada 6 kumpulan. 2 kumpulan akan membincangkan tajuk Jata Negara, 2 kumpulan lagi membincangkan tajuk bendera kebangsaan dan 2 kumpulan untuk lagu kebangsaan.

Gerak Kerja Kumpulan

Jata Negara.

1. Secara individu dalam 2 kumpulan murid dikehendaki mewarnakan Jata Negara berpandukan maklumat dalam buku teks.
2. Guru menyenaraikan tema-tema penting pada papan putih dan kemudian meminta murid menghuraikan tema-tema berpandukan buku teks.

Tema-Tema Penting:-

TEMA	TAFSIRAN
JALUR	
WARNA	
POKOK MELAKA	
BUNGA RAYA	
HARIMAU	
COGAN KATA	
BULAN	
BINTANG	
POKOK PINANG	
KERIS	

3. Sebagai pengukuhan murid diminta melengkapkan tema dengan tafsiran berdasarkan kad-kad yang disediakan oleh guru.

Contoh Kad.




TEMA	TAFSIRAN
KERIS	
	Melambangkan negeri Melaka
BULAN	
	Pecahan bintang melambangkan gabungan 14 buah negeri
COGAN KATA	
	Harimau melambangkan keberanian
BUNGA RAYA	
	Empat jalur di tengah perisai melambangkan negeri Perak, Selangor, Pahang dan N.Sembilan
WARNA	

4. Guru merumuskan semua tema dan tafsiran pada Jata Negara.

BENDERA

Arahan.

1. 2 kumpulan lain dibekalkan dengan bendera Malaysia .
2. Beberapa orang murid diberikan peranan mengikut warna dan ciri pada bendera Malaysia serta menerangkan tafsirannya. (M. S. :189)



3. Sebagai pengukuhan murid –murid lain diminta secara rawak menjelaskan semula tafsiran tema .
4. Guru mengedarkan lirik lagu ‘Benderaku’ kepada semua murid dan meminta murid menyanyikannya bersama-sama.